

BAB LIMA

BAB LIMA

RUMUSAN DAN CADANGAN

5.0 Pendahuluan

Bab kelima ini akan memfokuskan kepada rumusan-rumusan atau kesimpulan yang terhasil daripada pembentangan kajian ini dan analisis-analisis yang telah dilakukan terhadap kata adjektif BM dan perbandingannya dengan kata adjektif BA. dalam bab-bab yang terdahulu. Di akhir bab ini, penulis akan mengemukakan cadangan-cadangan atau saranan-saranan yang difikirkan penting dalam pelaksanaan AK untuk memantapkan pengajaran dan pembelajaran BA di kalangan pelajar-pelajar Melayu.

Di bawah ini, penulis akan menghuraikan terlebih dahulu beberapa kesimpulan penting mengenai perbincangan-perbincangan dalam bab-bab yang lalu.

5.1 Rumusan

Merujuk kepada pembentangan dan perbahasan yang telah dipaparkan di dalam bab yang telah lalu, maka umumnya laporan penyelidikan ini boleh dirumuskan kepada beberapa perkara :

Antaranya ialah, jika dikaji dengan lebih menyeluruh, kita akan dapati bahawa dapatan-dapatan daripada kaedah AK yang telah dilakukan oleh para pengkaji bahasa terdahulu merupakan informasi yang amat bernilai dan penting bagi pihak yang

berkenaan khususnya para pendidik atau para pengajar bahasa kedua dalam merangka bahan pengajaran dan pembelajaran serta penilaian B2. Dapatan AK membantu para pengajar B2 menentukan fokus dalam pengajarannya dan dapat memberi keutamaan kepada fokus tersebut dari segi masa dan latihan. Dapatan ini juga dapat meningkatkan kepekaan dan keperihatinan guru terhadap masalah dan kesulitan yang dialami oleh para pelajar Melayu dalam mempelajari BA sebagai bahasa kedua atau ketiga.

Di samping itu juga, hasil dapatan dari bab-bab yang lalu dapat dirumuskan bahawa kata adjektif dalam BM merupakan satu unit yang tersendiri yang terpisah dari unit kata nama. Pembentukan KA dalam bahasa Melayu boleh dilakukan samada melalui cara terbitan atau penambahan kata penguat, kata bantu dan unsur keterangan seperti yang telah dibentangkan. KA dalam bahasa Melayu juga berfungsi sebagai unsur penerangan kepada frasa adjektif atau frasa nama yang lain.

Melalui perbahasan yang telah lalu juga, dapat dirumuskan bahawa, kata adjektif dalam BA terdiri dari pelbagai jenis, samada dari sudut makna, lafaz, dan derivasi. Setiap jenis terbahagi pula kepada pelbagai bentuk dan pola-pola tertentu. KA *hakikiy* dalam bahasa Arab menyamai kata nama yang disifatkan samada dari segi gender; maskulin dan feminin, dari segi bilangan ; kata tunggal, kata dual dan kata jamak, dan dari segi *irab*; indifinit dan difinit.

Manakala KA *sababiy*, wajib berbentuk kata nama tunggal, kecuali penyebabnya adalah jamak *taksir*, maka kata adjektif sababiy itu harus berbentuk kata nama jamak atau kata nama tunggal. Di samping itu juga, KA dalam bahasa Arab juga tergolong dalam kata nama dan bukan satu unit morfologi yang tersendiri dan ia berfungsi sebagai kata penerangan kepada kata nama.

Tidak dapat dinafikan bahawa hasil dari analisis pebandingan yang dijalankan di antara kata adjektif dalam BM dan BA, didapati banyak perbezaan yang ketara sering menyebabkan para pelajar Melayu menghadapi masalah dalam membina ayat-ayat yang gramatis, khususnya yang mengandungi kata adjektif atau frasa adjektif. Pelajar-pelajar diramalkan mengalami kesulitan dalam membina ayat yang mengandungi KA, khususnya yang berkaitan dengan persamaan dari segi gender, bilangan, *irab* (fleksi), dan penggunaan kata nama difinit dan indifinit.

Perbezaan yang ketara ini juga diramalkan menjadi penyebab utama pelajar-pelajar Melayu gagal membentuk ayat-ayat BA yang mengandungi kata adjektif *sababiy*, di mana mereka harus memahami struktur BA yang mewajibkan kata adjektif *sababiy* berbentuk kata nama tunggal kecuali jika penyebabnya adalah jamak *taksir*, maka kata adjektif jenis ini harus berbentuk kata nama jamak atau kata nama tunggal.

5.2 Cadangan

Sebagai kesimpulannya, permasalahan ini timbul ekoran ketidakmampuan pelajar dalam menguasai kemahiran tatabahasa bahasa Arab yang betul. Pelajar didapati tidak mampu berfikir di dalam bahasa Arab. Justeru itu, mereka menterjemahkan ayat-ayat di dalam bahasa ibunda (Bahasa Melayu) kepada bahasa Arab dengan menggunakan tatabahasa bahasa Melayu. Keadaan ini berlaku disebabkan pelajar kurang didedahkan dengan struktur ayat bahasa Arab yang betul. Mereka juga kurang pengalaman mengenai kebudayaan alam bahasa Arab dan berkemungkinan juga mereka kurang didedahkan

dengan latihan-latihan intensif di dalam pembinaan ayat-ayat bahasa Arab yang gramatis.

Dalam hal ini, para pendidik bahasa Arab dan pihak pentadbir sekolah harus memainkan peranan penting dan menggembelinkan tenaga untuk membantu pelajar dari segi penyediaan bahan pengajaran, latihan-latihan intensif, motivasi kepada pelajar, penyediaan bahan tambahan dan pengukuhan, menganalisis kesilapan pelajar dengan tujuan mengurangkan kesilapan dan kerumitan yang mereka hadapi ketika mempelajari bahasa Arab.

Di samping itu juga, guru haruslah sering mengadakan perbincangan dan penilaian sendiri terhadap pengajaran dan pembelajaran yang dijalankan di dalam kelas atau di luar kelas. Berdasarkan teori analisis kontrastif, guru adalah model terbaik untuk pelajar dalam membantu mereka menguasai kemahiran-kemahiran bahasa samada kemahiran mendengar, bertutur, membaca dan menulis.

Penulis juga ingin mencadangkan agar pihak Kementerian Pelajaran Malaysia mengkaji semula sukatan kurikulum Kursus Perguruan Lulusan Ijazah Bahasa Arab dengan menambah subjek-subjek seperti Kajian Analisis Kontrastif, Kajian Analisis Kesilapan, Sociolinguistik dan Kajian Semantik. Ini disebabkan penambahan subjek-subjek ini boleh membantu para pelatih menyiapkan diri sebagai guru bahasa Arab yang dapat meramal kesulitan dan kesukaran yang dihadapi oleh pelajar ketika mempelajari bahasa Arab sebagai bahasa kedua atau bahasa ketiga. Pendedahan awal terhadap ramalan kesukaran-kesukaran yang dihadapi oleh pelajar dapat membantu mereka meneka bentuk-bentuk kesilapan yang sering dilakukan pelajar, seterusnya mencari langkah-langkah terbaik untuk membantu para pelajar. Penguasaan kemahiran ini di

samping kemahiran pedagogi dapat membentuk para pelatih menjadi guru BA yang lebih efisien

Pelajar juga haruslah mengubah sikap dan persepsi mereka terhadap pembelajaran bahasa Arab sebagai bahasa komunikasi antarabangsa dan juga bahasa agama. Pendedahan terhadap budaya Arab juga dapat membantu para pelajar dalam menggarap kemahiran-kemahiran bahasa Arab, seterusnya dapat memupuk semangat cintakan bahasa Arab di kalangan mereka. Pelajar juga boleh menggunakan analisis ini untuk membandingkan struktur nahu B1 dan B2 dan mempelajari sesuatu dari kesilapan yang sering mereka lakukan.

Bahagian Buku Teks juga harus memainkan peranan dengan penyediaan buku teks dan buku panduan guru yang efisien, sesuai dengan kehendak pelajar yang mempelajari BA sebagai bahasa agama dan bahasa komunikasi antarabangsa. Penyediaan bahan-bahan pengajaran yang mudah dan berkesan agar dapat menarik minat pelajar untuk mempelajari BA dengan lebih mendalam hingga ke peringkat tertinggi.

Penyelidikan yang berkaitan dengan struktur bahasa Arab perbandingan wajar diberi perhatian dari masa ke semasa oleh para pengkaji yang lain. Hal ini disebabkan kajian seperti ini masih berkurangan dan tidak disebarluaskan kepada pencinta-pencinta bahasa Arab. Kebanyakan hasil penyelidikan mengenai kajian perbandingan ini samada kajian Nahu, Balaghah dan sebagainya tersimpan menjadi bahan koleksi pusat-pusat pengajian tinggi dan tidak disebarkan kepada umum untuk dijadikan panduan atau rujukan ilmiah yang tinggi mutunya.

5.3 Penutup

Bab ini memaparkan rumusan kajian yang merangkumi aspek-aspek kepentingan AK, penjenisan kata adjektif BM dan BA, Seterusnya meramal kesulitan yang dihadapi pelajar sehinggalah cadangan-cadangan pelaksanaan AK dalam pengajaran dan pembelajaran BA. Ini disebabkan AK merupakan satu disiplin ilmu yang dapat membantu guru-guru memantapkan pengajaran BA, membantu para pelajar mengelak dan mengurangkan kesalahan membina ayat yang mengandungi KA. Hasil kajian ini juga diharapkan dapat membantu pihak sekolah khususnya panitia BA menyediakan bahan bantu pengajaran yang efisien dan pihak Kementerian Pelajaran Malaysia khususnya Bahagian Buku Teks dalam penyediaan buku teks yang mesra pelajar.

Di samping itu juga, kajian ini diharapkan dapat menjadi titik tolak kepada pengkaji- pengkaji ke arah melahirkan kajian-kajian perbandingan dalam topik –topik nahu yang lain pula. Akhirnya, diharapkan laporan penyelidikan ini dapat memberi panduan dan manfaat kepada semua golongan peminat dan pencinta bahasa Arab di Malaysia.